



UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

TAZKIRAH

MESYUARAT SENAT UTM - 28 Feb 2024

Menginovasi Penyelesaian



BERKATI SYAABAN, SAMPAIKAN KAMI KE RAMADAN TAZKIRAH

PM DR MOHD FAUZI BIN ABU @ HUSSIN

Menginovasi Penyelesaian

Pengenalan

**SYAABAN SEBAGAI BULAN PERSIAPAN MENYAMBUT KEDATANGAN
RAMADHAN AL-MUBARAK**

SYAABAN - bulan kelapan dalam aturan kalendar Islam.

Ibnu Manzhur menyatakan dalam karangannya Lisan al-Arab bahawa : berkata Tha'lab sebahagian ulama berkata :

"Sesungguhnya Syaaban dinamakan Syaaban kerana ia Syaab ertinya menonjol di antara dua bulan iaitu bulan Ramadan dan Rejab".

Antara bulan-bulan yang dimuliakan berdasarkan tindakan dan amalan Baginda SAW dan seterusnya diteladani oleh para sahabat yang lain.

- Bulan yang mempunyai kelebihan dan keistimewaan yang tersendiri.*
- Bulan diangkat amalan-amalan kita kepada Allah SWT*



shutterstock.com



شهر شعبان هو ثامن الأشهر العربية الإسلامية وهو ليس من الأشهر الحرم
The month of Shaaban is the eighth Arab Islamic month. It is not a sacred month



Kelebihan

Bulan di angkat amalan – Nabi suka jika amalan diangkat Ketika baginda berpuasa.
(Bulan Syaaban sering dilupakan)

ذَلِكَ شَهْرٌ يَغْفُلُ النَّاسُ عَنْهُ بَيْنَ رَجَبٍ وَرَمَضَانَ، وَهُوَ شَهْرٌ تُرْفَعُ فِيهِ الْأَعْمَالُ إِلَى رَبِّ الْعَالَمِينَ، فَأَحِبُّ أَنْ يُرْفَعَ عَمَلِي وَأَنَا صَائِمٌ

Maksudnya: “Itu merupakan bulan yang mana manusia sering lalai akannya iaitu bulan yang berada di antara Rejab dan Ramadhan. Bulan tersebut merupakan bulan yang diangkat amalan-amalan kepada Rabb al-'Alamin (Allah SWT), maka aku suka ketika amalanku diangkat dalam keadaan aku sedang berpuasa”. (**Hadis riwayat Imam al-Nasa'i**)

- *Bulan yang mempunyai kelebihan dan keistimewaannya yang tersendiri.*
- *Bulan diangkat amalan-amalan kita kepada Allah SWT*

Amalan Nabi semasa bulan Syaaban

Digalakkan untuk beramal dan melakukan ketaatan pada waktu manusia sedang lalai.

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَصُومُ حَتَّىٰ نَقُولَ لَا يُفْطِرُ، وَيُفْطِرُ حَتَّىٰ نَقُولَ لَا يَصُومُ. فَمَا رَأَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ اسْتَكْمَلَ صِيَامَ شَهِيرٍ إِلَّا رَمَضَانَ، وَمَا رَأَيْتُهُ أَكْثَرَ صِيَاماً مِنْهُ فِي شَعْبَانَ

Maksudnya: “Baginda SAW biasanya berpuasa sehingga kami katakan bahawa baginda tidak akan berbuka (berpuasa terus). Dan Baginda SAW apabila berbuka sehingga kami katakan bahawa beliau akan terus berbuka (tidak berpuasa terus). Dan aku tidak melihat Baginda SAW menyempurnakan puasanya sebulan penuh melainkan pada Bulan Ramadhan. Dan aku juga tidak pernah melihat Baginda SAW berpuasa (puasa sunat) dalam sebulan yang lebih banyak melainkan ketika Baginda SAW berpuasa pada Bulan Syaaban”. (**Hadis riwayat Imam al-Bukhari**)

Mengapa puasa?

1. Sebagai persiadaan
2. Menampung kekurangan puasa ramadhan

Amalan Nabi semasa bulan Syaaban

Rasulullah SAW juga menjadikan bulan Syaaban sebagai muqaddimah persediaan iaitu dengan memperbanyakkan puasa.

عن عائشة رضي الله عنها أنها قالت: (لم يكن النبي صلى الله عليه وسلم يصوم شهراً أكثر من شعبان)

Dari 'Aisyah R.A pernah berkata bahawa, "Nabi SAW tidak pernah berpuasa lebih banyak selain daripada bulan Syaaban." (HR. Bukhari)

عن عائشة رضي الله عنها قالت : "ولم أره صائمًا من شهرٍ قط أكثر من صيامه من شعبانٍ كان يصوم شعبانَ كله ، كان يصوم شعبان إلا قليلاً "

Dari 'Aisyah r.a telah berkata: "Aku tidak pernah melihat seseorang banyak melakukan puasa sunat pada setiap bulan, sebanyak puasa sunat Rasulullah SAW pada bulan Syaaban, Baginda berpuasa sunat pada bulan Syaaban seluruhnya. Baginda sentiasa berpuasa sunat di bulan Syaaban kecuali hanya sedikit (tidak berpuasa)" (HR. Bukhari dan Muslim)

Banyakkan Amal pada
bulan Syaaban

***Rasulullah SAW juga menjadikan bulan
Syaaban sebagai muqaddimah persediaan
iaitu dengan memperbanyakkan puasa.***

*Berkata Abu Bakar al-Warraq rahimahullah:
“Bulan Rejab adalah bulan untuk bercucuk
tanam, bulan Syaaban pula adalah bulan untuk
menyiram tanaman dan bulan Ramadhan pula
adalah bulan untuk memungut hasil.”*

(Lihat: Lathaif al-Ma’arif)

Kelebihan – memperbanyak amalan

- Dianjurkan agar muslimin dan muslimat memperbanyakkan perlakuan amal soleh seperti mana amalan dan tindakan Salafuna as-Soleh

- i. *Berqiamullail*
- ii. *Membaca al-Qur'an* - Bulan Syaaban merupakan *Syahrul Qira'ah* (bulan pembacaan Al-Quran)
- iii. *Bertasbih dan berselawat,*
- iv. *Puasa sunat dan bersedekah*
- v. *Memperbanyakkan Istighfar*
- vi. *Membanyakkan berdoa dan berzikir.*
- vii. *Menghadiri majlis ilmu.*

DOA di Bulan Syaaban

اللَّهُمَّ بَارِكْ لَنَا فِي رَجَبٍ وَشَعْبَانَ، وَبَارِكْ لَنَا وَبَلِّغْنَا رَمَضَانَ

Maksudnya: “Ya Allah, Kau berkatilah kami pada bulan Rejab dan Sya’ban dan Kau berkatikanlah kami dan sampaikanlah kami pada bulan Ramadhan.”

اللَّهُمَّ سَلِّمْنِي لِرَمَضَانَ، وَسَلِّمْ رَمَضَانَ لِي، وَتَسْلِمْهُ مِنِّي مُتَقَبَّلًا

Maksudnya: “Ya Allah, sejahterakanlah aku sehingga datangnya Ramadhan, sejahterakanlah Ramadhan bagiku dan terimalah dariku (ibadat pada bulan Ramadhan itu).”

Persiapan yang perlu ada

Persiapan Rohani

Ulangkaji Ilmu berkaitan Ramadhan

Bersedia dari sudut Fizikal

Perbanyakkanlah sedekah

“One who fails to plan, plans to fail”

- Ibadah kita juga perlu perencanaan yang teliti, bukan asal bolak-balik sahaja
- ibadah yang mudah sekali akan terlepas kerana tiada azam dan perancangan daripada kita

(بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ)

أَهْلَكَيْرَمَضَانَ

أَهْلَكَيْرَمَضَانَ

shutterstock.com · 144518228

شُكْرًا

thank you